



JAYA TIASA HOLDINGS BERHAD

POLISI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Jaya Tiasa Holdings Berhad merupakan pengeluar utama minyak sawit dan produk berasaskan kayu yang berkualiti dan lestari di Malaysia.

JTH memandang promosi keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) sebagai sebahagian daripada operasi syarikat. JTH hendaklah mematuhi prinsip-prinsip utama dan objektif-objektif, di mana pihak pengurusan akan menyediakan kepimpinan dan komitmen dengan;

- 1) Memastikan pematuhan terhadap semua undang-undang dan peraturan-peraturan KKP.
- 2) Melindungi keselamatan dan kesihatan semua anggota syarikat serta orang yang mungkin terjejas oleh kerja-kerja yang dijalankan.
- 3) Mencegah kematian berkaitan pekerjaan, kehilangan keupayaan, kecederaan, penyakit-penyakit berkaitan pekerjaan, kerosakan harta benda dan kejadian nyaris.
- 4) Menyediakan semua peranti keselamatan dan alat pelindungan yang diperlukan serta memantau penggunaan tersebut.
- 5) Memastikan semua pekerja dan wakil masing-masing diajak berunding dan menggalakkan mereka untuk mengambil bahagian secara aktif dalam semua perkara yang berkaitan dengan KKP.
- 6) Membangunkan prosedur untuk mengenal pasti hazard, menilai dan mengawal risiko.
- 7) Mempromosi dan melaksanakan konsep peraturan sendiri untuk mengurus KKP.
- 8) Mengetahui dan menyediakan latihan yang berkaitan supaya pekerja dapat melaksanakan kerja dengan selamat dan cekap.
- 9) Menyampaikan polisi kepada semua pekerja, pihak-pihak yang berkecenderungan dan orang-orang yang bekerja bagi pihak atau yang mewakili syarikat.
- 10) Menambahbaikkan prestasi sistem pengurusan KKP secara berterusan.

JTH akan mengkaji dan menyemak semula polisi, sebagaimana yang diperlukan, dari semasa ke semasa.


.....
DATO' JIN KEE MOU
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
2 Januari 2025